

Struktur komunikasi yang dibina di kawasan bandaraya di Malaysia kebanyakannya berbentuk struktur atas bumbung (*rooftop*) yang dipasang di atas bangunan tinggi, dan juga diintegrasikan dengan struktur lain seperti tiang lampu, papan iklan besar (*billboard*) dan menara muazzin. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang keperluan bagi pembinaan menara di kawasan bandar, permohonan tersebut hendaklah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) namun jumlahnya hanya sedikit. Perkara yang sama turut digunakan oleh negara-negara luar termasuklah di bandaraya-bandaraya besar seperti Tokyo, Seoul dan Singapura. Struktur menara komunikasi adalah lebih bersesuaian dilaksanakan di kawasan pinggir bandar, luar bandar dan sekitar kawasan yang luas di seluruh negara.

Di Malaysia, pembinaan menara komunikasi dibina mengikut garis panduan yang telah diselaraskan dengan mematuhi piawaian keselamatan antarabangsa dan amalan keselamatan yang ditetapkan.

Pemasangan kesemua struktur komunikasi adalah bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan komunikasi secara menyeluruh di Malaysia termasuk di kawasan bandaraya-bandaraya.